

10.6.2021_Harian Metro_MOSTI_Pengamal media dapat vaksin berperingkat



SAIFUDDIN (berdiri, tiga, kanan) bersama Dr Adham (berdiri, kanan) dan Khairy (berdiri dua, kiri) bersama sebahagian pengamal media yang menerima vaksin pertama di Dewan Seri Seroja, Putrajaya, semalam.

Pengamal media dapat vaksin berperingkat

Putrajaya: Pemberian vaksin kepada lebih 4,000 pengamal media di seluruh negara akan diberikan secara berperingkat bermula, hari ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, bagi kumpulan pertama hari ini (semalam), 98 pengamal media membabitkan pelbagai agensi mendapat dos pertama suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Sri Seroja.

Katanya, kumpulan seterusnya dari negeri lain pula akan melalui proses yang sama secara berperingkat mengikut nama yang sudah diberikan kepada kementeriannya.

"Kita mulakan di Putrajaya dulu dan diikuti di negeri lain. Kita dapati pengamal media ini banyak tertumpu di kawasan ini dan

sebab itu kita mulakan di sini dulu.

"Memang kita minta pengamal media ini didahulukan kerana seperti yang kita tahu mereka ini sama seperti petugas barisan hadapan yang perlu turun padang untuk bekerja.

"Atas perkiraan itu, kita percepatkan proses untuk pengamal media ini mendapatkan suntikan vaksin. Terima kasih kepada syarikat media yang tanpa penat terus bekerja walaupun sebelum ini masih belum mendapat vaksin," katanya ketika ditemui selepas melihat kumpulan pertama pengamal media mendapat vaksinasi, di sini, semalam.

Lawatan itu turut disertai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.